

**PERTIKAIAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN
ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA**



NORALIZAWATI BINTI SAIDI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

**PERTIKAIAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN
ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA**

NORALIZAWATI BINTI SAIDI



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SAINS SOSIAL**


**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PERTIKAIAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA
IJAZAH : SARJANA

Saya NORALIZAWATI BINTI SAIDI, Sesi Pengajian 2006-2012, mengaku bahawa membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh,

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap:
Peti Surat A-325,
89357 Inanam, Sabah

PROF. MADYA DR. ASMADY IRIS
(Penyelia)


Tarikh: 19 Mei 2012

PENGAKUAN CALON

Saya mengaku bahawa karya ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

19 Mei 2012

Noralizawati Binti Saidi
PA2006-8204



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : **NORALIZAWATI BINTI SAIDI**
NO.MATRIK : **PA2006-8204**
TAJUK : **PERTIKAIAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN ANTARA
MALAYSIA-SINGAPURA**
IJAZAH SARJANA : **HUBUNGAN ANTARABANGSA**
TARIKH VIVA : **21 OKTOBER 2011**

DISAHKAN OLEH



1. PENYELIA
Prof. Madya Dr. Asmady Idris

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN


Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, pengkaji dapat menyiapkan tesis ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut sama membantu pengkaji untuk menyiapkan penyelidikan ini, terutama sekali kepada kedua-dua ibubapa yang sentiasa mendorong dan mendoakan pengkaji selama ini. Kepada adik-beradik yang turut memberikan perangsang dan semangat dalam menyiapkan penyelidikan ini, terima kasih untuk kalian. Sekalung budi dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia pengkaji, Prof. Madya Dr. Asmady Idris atas bantuannya dalam memantau pengoperasian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Tidak lupa juga kepada pensyarah program Hubungan Antarabangsa yang lain iaitu Encik Rizal, Pn. Marja Azlima Omar, Pn. Diana Peters, En. Ramli Dollah, En. Shawal dan En. Zaini. Ungkapan rasa terima kasih ini turut ditujukan kepada Dekan Sekolah Sains Sosial, Hj Inon Shahrudin Abdul Rahman, para pensyarah, kakitangan Sekolah Sains Sosial dan kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah. Tidak ketinggalan juga, kepada pihak yang banyak memberi kerjasama dalam memberikan maklumat yang lebih lanjut berhubung penyelidikan yang dijalankan yakni Prof Dr. Abdul Rahman Embong (UKM), Dr. Kamarulnizam Abdullah (UKM), Prof Dr. N. Ganesan, Dato Adnan Osman (Wisma Putra) Cik Philamena Aw Li Fen (Setiausaha Pertama Politik di Kedutaan Singapura di Kuala Lumpur) dan Dr. Mashitah Mohd Radzi. Terima kasih ini juga didedikasikan kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu Zuriana, Yusten, Masri, Suzineh, Leonie, Siti Aminah, Jenny Ling Lee Ling, dan Siti Hernawati. Tidak ketinggalan juga buat Monaliza, Norfaizah, Mohd. Nazreen, Yusri, Dayang Rashidah, Norina dan Pg. Shahrom, terima kasih kerjasama anda semua.

Noralizawati Binti Saidi
19 Mei 2012

ABSTRAK

PERTIKAIAN DALAM KONTEKS HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA-SINGAPURA

Malaysia-Singapura merupakan dua entiti negara yang unik kerana banyak berkongsi sejarah, politik, ekonomi dan sosial. Meskipun dihimpit dengan pelbagai isu lantaran perbezaan pendapat, namun ia tidak sedikitpun menjejaskan hubungan bilateral yang telah sekian lama dipupuk oleh para pemimpinnya. Hubungan yang penuh simbiotik ini menjadi suatu tarikan untuk dibincangkan khususnya isu yang melibatkan konsesi harga air, pembinaan jambatan dan Pulau Batu Puteh. Ketiga-tiga isu yang berlaku sewaktu pentadbiran Tun Dr.Mahathir, cuba dijelaskan dengan menggunakan pendekatan konsep "*issue areas*" dalam dasar luar. Tema "*issue areas*" yang terdiri dari ekonomi domestik, kedaulatan, geopolitik dan kerjasama antarabangsa diaplikasikan kerana ia bersesuaian dengan kajian kes yang ingin menjelaskan bagaimana sesuatu isu boleh mempengaruhi hubungan kedua-dua buah negara khususnya Malaysia-Singapura. Disamping itu, kajian ini turut ingin menyelidik bagaimana sesuatu isu itu boleh memberi kesan kepada hubungan bilateral antara kedua-dua negara. Lantaran itu, bagi merealisasikan kajian ini kaedah menemuramah tokoh akademik dan sumber sekuler seperti membuat rujukan daripada buku, artikel, jurnal, media cetak dan elektronik, telah digunakan. Kajian ini mendapati bahawa tiga isu pertikaian yang dibincangkan memberi kesan ke atas hubungan Malaysia-Singapura. Walau bagaimanapun, ia tidak menjejaskan hubungan bilateral antara kedua-dua buah negara.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

Malaysia-Singapore are two unique entities that has shared history, politics, economic and social. Although faced by variety of issues, it does not affect the bilateral relations which have long nurtured by its leaders. The symbiotic relationship particularly in issues involving concession price of water, construction of bridge and overlapping claims over Pedra Branca during the administration of Tun Dr. Mahathir is in line with the approach of "issue areas" concept in foreign policy. The theme of "issue areas" which consists of domestic economy, sovereignty, geopolitics and international cooperation is applied accordingly with the chosen case studies as it is suitable to explain how an issue could influence bilateral relations between Malaysia and Singapore. In addition, this study also aimed to investigate how an issue/issues could affect bilateral relations between the two countries. Therefore, in order to realize this, data collection through interviews were conducted. Secondary sources such as books, article journals, electronic and print media were also referred. This study found that the three issues of dispute did indeed have an impact on the Malaysia-Singapore relations. However, it does not affect bilateral relations between the two countries.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN CALON	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI CARTA PAI	xiii
SENARAI PETA	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
LAMPIRAN (LAMPIRAN A, LAMPIRAN B)	
Bab 1: PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Rangka Konseptual: " <i>Issue Areas</i> " Dalam Dasar Luar	4
1.4 Sorotan Literatur	5
1.4.1 Konsep " <i>issue area's</i> " dalam dasar luar	5
1.4.2 Tatacara hubungan bilateral dan tiga isu utama Pertikaian Malaysia-Singapura	9
1.5 Metod Dan Teknik Pengumpulan Data	14
1.6 Skop Kajian	15
1.7 Struktur Bab	15
Bab 2: RANGKA KONSEPTUAL: "<i>ISSUE AREA'S</i>"	

2.0	Pendahuluan	17
2.1	Pandangan Beberapa Sarjana Tentang " <i>Issue Areas</i> " Dalam Konteks Dasar Luar	17
2.1.1	James N. Rosenau (1962)	17
2.1.2	Michael Brecher (1969)	19
2.1.3	Johan Saravanamuttu (1983)	20
2.2	Aplikasi Konsep " <i>Issue Areas</i> " Dalam Kajian Kes	26
2.3	Rumusan	32
Bab 3: LATAR BELAKANG HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA		
3.0	Pengenalan	33
3.1	Interaksi Awal sebelum Pembentukan 'Malaysia'	33
3.2	Ke Arah Pembentukan Malaysia	39
3.3	Perpisahan Singapura Dari Malaysia	43
3.4	Hubungan Malaysia Dan Singapura Pasca 1965	44
3.6	Rumusan	55
Bab 4: PERBINCANGAN TIGA ISU KAJIAN: ISU AIR, CADANGAN PEMBINAAN JAMBATAN DAN PULAU BATU PUTEH		
4.0	Pengenalan	57
4.1	Isu Air dan Latar belakang Kemunculannya	57
4.1.2	Perjanjian Air Pasca 1965 dan Isu Penilaian Semula Harga Air	64
4.1.3	Isu Air Dalam Konteks kepentingan Ekonomi Domestik	74
4.1.4	Reaksi Ke Arah Penyelesaian Isu Air	81
4.2	Isu Cadangan Pembinaan Jambatan	95
4.2.1	Kepentingan Isu Jambatan Dalam Konteks Hubungan Malaysia – Singapura	102
4.2.2	Reaksi Malaysia Terhadap Respon Singapura Berkenaan Isu Jambatan	115
4.3	Isu Pulau Batu Puteh	122
4.3.1	Kepentingan isu Pulau Batu Puteh dalam hubungan Malaysia dan Singapura	134

4.3.2 Reaksi Malaysia Terhadap Tuntutan Singapura Ke Atas Pulau Batu Puteh	140
4.4 Kesimpulan	145
Bab 5: IMPLIKASI KEPADA HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA	
5.0 Pengenalan	147
5.1 Isu Air	148
5.2 Cadangan Pembinaan Jambatan	151
5.3 Pulau Batu Puteh	164
5.4 Rumusan	174
Bab 6: PENUTUP	
6.0 Rumusan	177
RUJUKAN	183
LAMPIRAN (LAMPIRAN A, LAMPIRAN B)	195



SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1.1	Tipologi " <i>issue areas</i> "	19
Jadual 2.1.3	" <i>Issue areas</i> ", sumber (input), matlamat dan output Dasar Luar Malaysia, 1957-1977	23
Jadual 2.2	" <i>Issue areas</i> " dan Reaksi Dasar Luar Malaysia	31
Jadual 3.1	Populasi kaum di Tanah Melayu (termasuk Singapura) pada tahun 1911-1941	36
Jadual 4.1 (a)	Kolam Air dan Kapasiti Simpanan Singapura	62
Jadual 4.1 (b)	Statistik Air Domestik Singapura	63
Jadual 4.1.3(a)	Penggunaan Air di Singapura: Tahun 1960-2000 (Ribu m ³)	75
Jadual 4.1.3(b)	Jumlah Pengeluaran air oleh Singapura dari Johor	78
Jadual 4.1.3 (c)	Perbezaan jumlah subsidi Malaysia kepada Singapura	79
Jadual 4.2.1 (a) dan (b)	Statistik kedatangan pelancong Singapura ke Malaysia tahun 1998 dan 2003	104
Jadual 4.2.1 (c)	Destinasi Eksport Malaysia ke Negara ASEAN dan Negara-negara utama lain Januari – September 2003 (RM 95,341.3 juta)	107
Jadual 4.2.1(d)	Destinasi Import Malaysia ke Negara ASEAN	109

dan Negara-negara uama lain Januari –
September 2003 (RM 75, 535.9 juta)


Jadual 4.2.1(e)	Jumlah pelaburan di Singapura mengikut negara	110
Jadual 5.2	Sebahagian perbezaan bayaran tol di Tambak Johor dan Laluan Kedua (Plaza Tol Tanjung Kupang) di Malaysia serta di Tuas, Singapura	161
Jadual 5.3	Tiga Isu Kajian, Empat Tema " <i>Issue areas</i> " (Input) dan Reaksi (Output) Dasar Luar Malaysia	169



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2..2	Model " <i>Issue areas</i> " dan Reaksi Dasar Luar Malaysia	30
Rajah 4.2 (a)	Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura	96
Rajah 4.2 (b)	Rekaan Jambatan Bergerak Gerbang Selatan Bersepadu yang dicadangkan Malaysia	99
Rajah 4.3	Pulau Batu Puteh	123



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI CARTA PAI


		Halaman
Carta 4.2.1(a)	Destinasi Eksport Malaysia ke Negara ASEAN, Januari – September 2003 (RM 95,341.3 juta)	108
Carta 4.2.1(b)	Destinasi Import Malaysia ke Negara ASEAN, Januari – September 2003 (RM 75, 535.9 juta)	108



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

		Halaman
Peta 4.1 (a)	Negara Singapura	59
Peta 4.1 (b)	Kawasan Tadahan Singapura di Sungai Johor dan Gunung Pulau	60
Peta 4.1 (c)	Kolam/Takungan Air Singapura	62
Peta 4.1 (d)	Kawasan Tadahan di Singapura	63
Peta 4.3 (a)	Kawasan Perairan Dan Sempadan Benua Maritim Malaysia	124
Peta 4.3 (b)	Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan	125
Peta 4.3 (c)	Kedudukan Pulau Batu Puteh	129



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
CIQ	<i>Custom, Immigration and Quarantine</i>
CPF	<i>Central Provident Fund</i>
DPN	Dasar Pertanian Negara
EEIC	<i>The English East India Company</i>
GPSB	Gerbang Perdana Selatan Bersepadu
GSB	Gerbang Selatan Bersepadu
ICJ	<i>International Court of Justice</i>
IGC	<i>Inter-Governmental Committee</i>
JKR	Jabatan Kerja Raya
KIK	Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

MOU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MSA	<i>Malaysia-Singapore Airlines</i>
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
NIC	<i>Newly Industrialised Countries</i>
NNS	Negeri-Negeri Selat
OECD	Organization and Economic Cooperation Development
PAP	People Action Party
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PETA	Pembela Tanah Air
POA	<i>Points of Agreement</i>
PPG	Pelabuhan Pasir Gudang
PRC	<i>People's Republic of China</i>
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
RSAF	<i>Republic Singapore Air Force</i>
SJER	<i>South Johor Economic Region</i>
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Hubungan atau kerjasama antara negara-negara di dunia merupakan aspek paling penting bagi sesebuah negara. Hal ini disebabkan oleh, setiap negara yang wujud di muka bumi ini tidak boleh meneruskan kelangsungan hidup mereka tanpa menjalinkan persahabatan dengan negara lain. Hubungan yang diadakan oleh kerajaan adalah sangat luas dan tidak boleh dipisahkan. Ini boleh dikaitkan dengan kenyataan Goldstein iaitu;

*"They are closely connected with other actors (such as international organizations, multinational cooperations and individuals); with other social structures (including economics, culture and domestic politics); and with geographical and historical influences."*¹

Selain itu, ia turut berkait rapat dengan konsep saling berinteraksi bagi setiap negara untuk memberi dan menerima kerjasama atau persahabatan yang dihulurkan negara lain. Tujuannya adalah agar negara tersebut dapat memenuhi keperluan serta menyelesaikan masalah yang wujud sesama mereka. Namun demikian, setiap negara haruslah bijak menilai hubungan yang ingin atau telah dijalinkan. Dengan ini diharapkan ia bersesuaian dan tidak bertentangan dengan kepentingan nasional yang telah ditetapkan oleh sesebuah negara. Landasan tersebut amat penting kerana ia akan menentukan pendirian sesebuah negara dan kaedah penyelesaian yang akan digunakan apabila berhadapan dengan sesuatu masalah.

¹ Goldstein, Joshua, *International Relations*. (5th edition). New York: Longman, 2003, hlm. 3.

Tesis ini akan menganalisis tentang Pertikaian Dalam Konteks Hubungan Antara Malaysia-Singapura, dengan memfokuskan kepada tiga isu utama. Tiga isu tersebut ialah isu air, cadangan pembinaan jambatan dan Pulau Batu Puteh. Kajian ini ingin melihat bagaimana tiga isu tersebut boleh mencetuskan situasi tegang ke atas hubungan bilateral kedua-dua buah negara. Kupasan lebih mendalam akan dilakukan dengan menyatakan tindakan yang telah dilaksanakan khususnya oleh Malaysia dan seterusnya akan membincangkan sejauhmana tindakan tersebut boleh memberikan kesan terhadap hubungan Malaysia-Singapura.

Sebelum menganalisis persoalan dan langkah yang perlu diambil dalam menangani tiga isu tersebut, pendekatan konsep "*issue areas*" dalam konteks dasar luar akan dibincangkan terlebih dahulu sebagai rangka konseptual tesis ini. Konsep "*issue areas*" ini merujuk kepada pendekatan yang digunakan dalam dasar luar untuk memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam. Ia mula diaplikasikan (walaupun bukan secara langsung) oleh Rosenau dalam artikelnya (1962) yang bertajuk "*pre-theories and theories of foreign policy*". Selepas menjadi perintis kepada konsep tersebut, idea Rosenau semakin diperluaskan oleh beberapa lagi sarjana lain. Untuk lebih memahami konsep "*issue areas*", perbincangan lanjut akan dinyatakan dalam Bab Dua tesis ini. Setelah itu, pengkaji akan menyoroti latarbelakang hubungan kedua-dua negara yang telah terjalin terutamanya sejak penubuhan Singapura sebagai sebuah negara merdeka pada tahun 1963. Ini seterusnya akan diikuti dengan kupasan menggunakan konsep "*issue areas*" terhadap tiga isu yang telah disebutkan dan kesannya terhadap hubungan bilateral kedua-dua buah negara. Keseluruhan perbincangan kemudiannya akan dirumuskan dalam bab kesimpulan.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini memfokuskan kepada persoalan bagaimana tiga isu pertikaian yang dipilih iaitu isu air, cadangan pembinaan jambatan dan kedaulatan Pulau Batu Puteh boleh mempengaruhi hubungan Malaysia-Singapura. Dengan kata lain, pengkaji ingin melihat sama ada sesuatu isu itu boleh memberi kesan yang positif atau negatif ke atas hubungan kedua-dua negara. Untuk menjawab masalah ini, ketiga-

tiga isu yang dipilih akan dibahaskan dengan memfokuskan kepada konsep "*issue areas*" seperti ekonomi domestik, kedaulatan, geopolitik dan kerjasama antarabangsa.

Meskipun terdapat lagi isu-isu lain yang menjadi pentas pertikaian, namun ketiga-tiga isu yang akan dibincangkan adalah mewakili tema persoalan penting (tanpa mengetepikan isu-isu yang lain) dalam konteks hubungan Malaysia-Singapura. Sebagai contoh, isu air adalah menggambarkan persoalan tema ekonomi dan seterusnya ia juga telah mewakili isu-isu lain yang berunsurkan ekonomi. Begitulah juga dengan isu cadangan pembinaan jambatan dan Pulau Batu Puteh yang mewakili isu-isu lain dalam konteks tema ekonomi, geopolitik dan kedaulatan. Ringkasnya, pemilihan ketiga-tiga isu ini adalah berasaskan kepada isu-isu (dengan merujuk kepada sumber sorotan literatur hubungan Malaysia-Singapura) yang seringkali menghambat hubungan kedua-dua buah negara di persada politik antarabangsa. Ketiga-tiga isu yang dipilih telah mewakili secara keseluruhannya isu-isu yang mencorak proses interaksi dan hubungan Malaysia-Singapura.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu:

1. Membincangkan isu-isu yang seringkali menghambat hubungan Malaysia-Singapura khususnya di era Tun Dr. Mahathir Mohamad.
2. Memfokuskan perbincangan terhadap tiga isu iaitu isu air, cadangan pembinaan jambatan dan Pulau Batu Puteh sebagai mewakili tema persoalan utama dalam hubungan Malaysia-Singapura.
3. Menganalisis isu persoalan air, cadangan pembinaan jambatan dan kedaulatan Pulau Batu Puteh dalam konteks "*issue areas*" yang merupakan elemen penting bagi hubungan dan dasar luar Malaysia-Singapura.

1.3 RANGKA KONSEPTUAL: "ISSUE AREAS" DALAM DASAR LUAR

Bidang pengkajian hubungan antarabangsa telah menyediakan atau mengkhususkan teori-teori tertentu mahupun kerangka konseptual bagi memudahkan para pengkajinya untuk membuat penilaian dan analisis tentang sesuatu peristiwa yang berlaku dalam arena antarabangsa. Bagi menerangkan kajian Pertikaian Dalam Konteks Hubungan Antara Malaysia dan Singapura, pengkaji akan menggunakan kerangka konseptual "issue areas" dalam dasar luar bagi membincangkan kajian kes. Dasar luar merupakan suatu konsep yang memiliki pelbagai maksud yang diterjemahkan oleh para sarjana berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan. Pada umumnya konsep ini boleh ditakrifkan sebagai satu set matlamat bagaimana sesebuah negara itu berinteraksi dengan negara lain di dunia. Kajian tentang dasar luar telah banyak dilakukan para sarjana. Antaranya ialah Robert L. Wendzel,² Roger Hilsman,³ James N. Rosenau,⁴ Lincoln Bloomfield,⁵ William I Bacchus,⁶ Richard L. Merritt,⁷ Mark Webber⁸ dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menumpukan perbincangan tentang pengaruh sumber (input) iaitu isu (dalam konteks kajian kes ini, tiga isu yang dipilih telah diletakkan di bawah tema berdasarkan kepada pengkelasan sumber dasar luar oleh Saravanamuttu) dalam sesuatu dasar luar sepertimana yang telah dibahaskan oleh Johan Saravanamuttu (1983). Saravanamuttu telah mengaitkan dasar luar ini dengan menggunakan konsep input (sumber) dan output (reaksi). Sumber dasar luar ini terdiri daripada "eco-historical" (persejarahan), luaran, domestik dan individu (idiosinkratik). Manakala reaksi pula merangkumi objektif, bentuk, strategi dan tindakan. Bagi melaksanakan kajiannya, Saravanamuttu telah menggunakan konsep "issue areas" untuk menganalisis dasar luar Malaysia pada

² Wendzel, Robert L, *International Relations, A Policymaker Focus*. New York: John Wiley and Sons, Inc, 1977.

³ Hilsman, Roger, *The Politics of Foreign Policy in Defense and Foreign Affairs*. New York: Columbia University, 1971.

⁴ Rosenau, James N, "Pre-Theories and Theories of Foreign Policy" in *The Scientific Study of Foreign Policy*. London: France Printer (Publisher) Limited, 1962.

⁵ Bloomfield, Lincoln, *The Foreign Policy Process a Modern Primer*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc, 1982.

⁶ Bacchus, William I, *Foreign Policy and The Bureaucratic Process the States Departments Country Director System*. New Jersey: Princeton University Press, 1974.

⁷ Merritt, Richard L, *Foreign Policy Analysis*, London: D.C Heath and Company, 1975.

⁸ Webber, Mark and Michael Smith, *Foreign Policy in a Transformed World*. London: Pearson Limited, 2002.

tahun 1957 hingga 1977. Konsep "*issue areas*" ini terbentuk berikutan isu yang berlaku dan seringkali mendominasi dalam hal-ehwal sesebuah negara. Ini bermaksud pembentukan dasar luar Malaysia ketika itu bukan sahaja dipengaruhi oleh sumber dasar luar, malah "*issue areas*" turut memainkan peranan yang kemudiannya akan mewujudkan reaksi. Meskipun, "*issue areas*" terbentuk daripada isu yang tercetus namun konsep ini dipengaruhi oleh sumber dasar luar. Justeru, dalam kajian yang dilaksanakannya, Saravanamuttu amat menekankan kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh sumber serta konsep "*issue areas*" dalam pembentukan dasar luar.

1.4 SOROTAN LITERATUR

Bagi membahaskan kajian tentang Pertikaian Dalam Konteks Hubungan Antara Malaysia-Singapura ini, terdapat dua bahagian utama sorotan literatur yang diperolehi. Bahagian pertama, tumpuan akan diberikan kepada kerangka konseptual yang dipilih iaitu konsep "*issue areas*" dasar luar. Dalam bahagian ini, penelitian akan dilakukan berhubung dasar luar secara umum dan juga dasar luar yang dipraktikkan Malaysia. Kemudian, konsep "*issue areas*" dalam dasar luar sebagai teraju utama kajian ini akan dinyatakan. Manakala bahagian kedua pula, perbincangan menjurus kepada tatacara hubungan bilateral yang melibatkan Malaysia dan Singapura, khususnya yang memfokuskan kepada tiga isu yang menjadi pertikaian antara kedua-dua pihak. Isu yang dimaksudkan ialah isu air, cadangan pembinaan jambatan dan Pulau Batu Puteh. Melalui pembacaan yang dilakukan, ternyata sorotan literatur ini banyak membantu untuk memahami hubungan antara kedua-dua buah negara. Pendekatan dasar luar dalam konteks "*issue areas*" yang digunakan juga telah membantu pengkaji untuk menjawab persoalan yang timbul. Berikut merupakan hasil sorotan literatur yang diperolehi dan huraianya boleh dilihat dalam subtajuk yang disediakan.

1.4.1 Konsep "*issue areas*" dalam dasar luar

Rosenau (1962), telah memperkenalkan dua kriteria berhubung dasar luar iaitu sistem politik "*penetrated*" dan "*issue areas*". Rosenau telah memperkenalkan "*pre-theories*" dasar luar yang merangkumi lima angkubah iaitu idiosinkratik yang

merupakan tanggungjawab pembuat keputusan ke atas perumusan dan pelaksanaan dasar luar negara; "*roles*" merujuk kepada tingkah laku luar pegawai rasmi dan juga kebolehannya; "*governmental*" merujuk kepada bentuk organisasi kerajaan yang menghadkan atau memberi pelbagai pilihan dasar luar kepada pembuat keputusan; "*nongovernmental*" merupakan aspek bukan kerajaan yang melibatkan pengaruh luaran seperti nilai budaya, tahap kesedaran bangsa dan corak ekonomi sesebuah negara manakala sistemik pula melibatkan apa jua aspek "*nonhuman*" persekitaran luar masyarakat atau sebarang bentuk tindakan yang berlaku di luar negara atau mempengaruhi pilihan yang dibuat oleh pegawai rasmi.⁹

Kelima-lima angkubah yang terdiri dari idiosinkratik, "*roles*"; "*governmental*"; "*society*" dan sistemik menurutnya mempunyai perkaitan rapat dengan tipologi "*issue areas*" kerana ia menjelaskan bagaimana angkubah tersebut dipengaruhi oleh "*issue areas*". Tipologi ini terdiri dari empat iaitu wilayah, status, "*human resources*" (terdiri dari populasi, pendidikan dan pekerjaan) dan "*nonhuman resources*" (yang meliputi perdagangan, pembangunan ekonomi dan pembangunan bandar). Namun demikian, Rosenau tidak mengaitkan dasar luar dengan menggunakan konsep input ("*issue areas*") dan output (reaksi). Kombinasi "*issue areas*" dan reaksi dalam konteks dasar luar telah dipilih bagi merungkaikan kajian ini untuk menganalisis bagaimana sesuatu "*issue areas*" itu boleh mewujudkan tindakan atau reaksi dasar luar. Peranan "*issue areas*" dan reaksi juga akan dianalisis sama ada kedua-dua konsep ini boleh mempengaruhi dasar luar sesebuah negara ataupun tidak.

Manakala Couplin (1971), telah membahas "*issue areas*" dengan menggunakan konsep dasar luar sesebuah negara. Namun demikian, Couplin tidak menjelaskan secara terperinci maksud sebenar konsep "*issue areas*" dan penerangan hanya diberikan terhadap kaitan istilah terbabit dengan dasar luar. "*Issue areas*" ini dibahagikan kepada empat kategori yang utama iaitu keselamatan nasional, kepentingan ekonomi, kepentingan ideologi dan sejarah sesuatu "*area*" serta persoalan yang merujuk kepada bagaimana sesuatu objektif dasar luar itu

⁹ Rosenau, James N, "*Pre-Theories and Theories of Foreign Policy*" in *The Scientific Study of Foreign Policy*. London: France Printer (Publisher) Limited, 1962, hlm. 128-129.